

20/01/2002

Majoriti lebih besar (HL)

KANGAR: Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan dengan majoriti lebih besar apabila calonnya, Ooi Ah Lan menewaskan Khoo Yang Chong daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Ooi, 59 mendapat 4,279 undi manakala Khoo, 60 memperoleh 1,687 undi. Jumlah majoriti 2,592 undi, bertambah 618 undi berbanding pilihan raya umum 1999. Undi rosak sebanyak 81.

Malam tadi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik dan amat gembira dengan kemenangan besar yang dicapai oleh BN.

"Saya berasa amat gembira dengan kemenangan besar BN. Saya ucap tahniah kepada semua yang telah berkempen dengan begitu baik bagi menentukan kemenangan BN.

"Tahniah juga kepada Datuk Seri Shahidan Kassim kerana berjaya menebus balik maruah BN," katanya ketika ditemuramah melalui telefon oleh RTM di TV1 sejurus selepas pengumuman keputusan pilihan raya itu diumumkan malam tadi.

Keputusan pilihan raya kecil itu diumumkan Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Mohd Rusli Abdul Hamid, di Dewan Warisan di sini kira-kira jam 8.35 malam semalam.

Turut merayakan kemenangan BN di Dewan Warisan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, timbalannya, Datuk Lim Ah Lek dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim serta penyelaras pilihan raya Umno Pusat, Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Sementara itu, Abdullah ketika ditemuramah di pusat penjumlahan undi di Kangar berkata, kemenangan BN membuktikan bahawa calonnya mempunyai kewibawaan dan diterima oleh rakyat.

"Kemenangan ini menunjukkan rakyat masih mahukan BN. Majoriti yang besar menunjukkan rakyat masih menyokong BN. Ini kemenangan yang begitu bermakna," katanya.

Abdullah berkata, kemenangan itu adalah kemenangan bagi semua dan membuktikan rakyat 'memperakui' BN dan masih memerlukan kerajaan pusat pimpinan Dr Mahathir dan kerajaan negeri pimpinan Shahidan.

Beliau turut menyatakan rasa puas hati dengan perjalanan jentera BN pada pilihan raya kecil itu.

Kemenangan Ooi, bekas guru besar, sekali gus mengekalkan penguasaan BN terhadap kerusi DUN yang mempunyai 7,976 pengundi, yang selama ini dianggap kubu kuat BN.

Peratusan keluar mengundi turut bertambah daripada 1999 iaitu 75.99 peratus berbanding 75.5 peratus pada 1999.

Pada awalnya, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mencatat sekitar 14 peratus keluar mengundi di antara jam 8 dan 10 pagi sebelum jumlah pengundi bertambah rancak menjelang waktu tamat pada jam 5.30 petang.

Perkembangan awal itu menyebabkan Timbalan Perdana Menteri terpaksa membuat pengumuman khas menerusi televisyen untuk meminta pengundi keluar mengundi.

Sebanyak 3,781 pengundi berbangsa Melayu (47.4 peratus), Cina 3,701 orang (46.4 peratus), India 431 orang (5.4 peratus) dan bangsa lain 63 (0.8 peratus).

Ada 752 pengundi pos bagi kawasan itu iaitu hampir 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi di kawasan DUN yang paling kecil antara 15 DUN

di negeri ini. Ia hanya merangkumi keluasan 15 kilometer persegi.
(END)